

09/01/1999

PM bidas media asing

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas media asing kerana memutarbelitkan fakta untuk menggambarkan seolah-olah ada tekanan yang meningkat untuk beliau meletakkan jawatan.

"Tekanan itu datang daripada media asing," kata Perdana Menteri ketika ditanya wartawan asing mengenai reaksinya berikutan peletakan jawatan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor dan tekanan yang dikatakan meningkat supaya beliau meletakkan jawatan.

Semalam, Abdul Rahim mengumumkan peletakan jawatannya berkuatkuasa hari ini kerana mengambil tanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan yang dialami bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika dalam tahanan polis.

Abdul Rahim dilaporkan berkata, beliau membuat keputusan untuk meletak jawatan berikutan kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah Selasa lalu bahawa polis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan Anwar.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, Dr Mahathir berkata media asing yang melaporkan ada tekanan meningkat untuk beliau meletak jawatan.

Apabila wartawan asing itu mengulangi soalnya, Dr Mahathir berkata: "Itulah yang difikirkan oleh media asing. Mereka boleh pergi dan meminta menteri-menteri mereka untuk meletakkan jawatan.

"Kita tidak biasa menjawab media asing...saya tidak perlu menjawab soalan yang bodoh itu," katanya.

(END)